

Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf

Penasihat Kedua di
dalam Presidensi Utama



Satu Kunci demi Keluarga yang Bahagia

Seorang penulis Rusia yang bernama Leo Tolstoy mulakan novelnya yang bertajuk *Anna Karenina* dengan kata-kata ini: “Semua keluarga yang bahagia adalah serupa; tetapi setiap keluarga yang tidak bahagia bersedih dalam cara yang berbeza.”¹ Walaupun saya tidak memilik kepastian Tolstoy bahawa semua keluarga yang bahagia adalah serupa, saya mendapati satu perkara yang dimiliki oleh keluarga yang bahagia: mereka memilik cara untuk mengampun dan melupakan ketidaksempurnaan orang lain dan cara untuk mencarikan kebaikan.

Sebaliknya, mereka yang berada dalam keluarga yang tidak bahagia, selalunya mencarikan kesalahan orang lain, memegang kepada dendam, dan tidak dapat melepaskan serangan lepas.

“Ya, tetapi . . .” mereka yang tidak gembira berkata. “Ya, tetapi anda tidak tahu betapa teruk dia menyakitkan saya,” kata seorang. “Ya, tetapi anda tidak tahu betapa teruk orang itu,” kata seorang lagi.

Mungkin kedua-dua orang ini pun betul; mungkin kedua-dua pun salah.

Adanya banyak darjah serangan. Adanya banyak darjah kesakitan. Tetapi saya mendapati bahawa kita biasanya menjustifikasikan kemarahan dan hati nurani kita dengan memberitahu kita diri sendiri cerita tentang motif-motif orang lain yang mengutuk tindakan mereka sebagai tindakan yang tidak boleh diampunkan dan

tindakan yang egoistik, dan pada masa yang sama, meningkatkan motif kita sebagai motif yang suci dan tidak bersalah.

Anjing Putera

Ada satu cerita purba Wales dari abad ke-13 tentang seorang putera bila dia pulang ke rumahnya dia menampak darah pada muka anjingnya. Putera itu lari ke dalam rumah, dan terdapat bahawa bayinya sudah hilang dan buaian bayi itu pun terbalik. Dalam kemarahannya, putera itu gunakan pedangnya dan bunuh anjing itu. Tidak lama selepas itu, putera mendengar tanggisan anaknya—bayi itu masih hidup! Di sebelah bayi itu, terdapat seekor serigala. Dalam realiti, anjingnya telah menyelamatkan bayi putera itu dari seekor serigala yang dahsyat.

Walaupun cerita ini dramatik, ia menunjukkan satu tujuan. Ia membuka kemungkinan bahawa cerita yang kita beritahu diri sendiri tentang sebab orang lain bertindak tidak selalunya selaras dengan fakta-fakta—kadang-kala kita tidak ingin tahu tentang fakta-fakta yang sebenar. Kita ingin berasa justifikasi diri sendiri dalam kemarahan kita dengan memegang ketat pada kepahitan dan kemarahan kita. Kadang-kala dendam ini boleh berterusan selama banyak bulan dan banyak tahun. Ada masaya perasaan ini berterusan sepanjang hidup.

Satu Keluarga yang Berpisah

Seorang bapa tidak boleh memaafkan anak lelakinya kerana anaknya meninggalkan jalan yang sudah diajar dia. Anaknya berakan dengan orang yang tidak disetujui oleh bapa itu, dan dia telah melakukan banyak perkara yang berlawanan dengan perkara yang bapanya fikir harus dilakukannya. Ini menyebabkan satu perpecahan di antara bapa dan anak itu, dan secepat semungkin dia berupaya, anak itu meninggalkan rumah dan tidak pulang lagi. Mereka tidak banyak bercakap lagi.

Adakah bapa itu berasa dia dijustifikasikan? Mungkin.

Adakah anak itu berasa dia dijustifikasikan? Mungkin.

Saya hanya tahu bahawa keluarga ini berpisah dan tidak bahagia kerana bapa dan anak itu tidak boleh memaafkan satu sama lain. Mereka tidak dapat melepaskan ingatan lepas yang pahit tentang satu sama lain. Mereka mengisikan hati mereka dengan kemarahan dan bukan kasih sayang dan keampunan. Mereka masing-masing merampaskan peluang untuk memberikan pengaruh yang baik dalam hidup satu sama lain. Pemisahan di antara mereka begitu mendalam dan lebar sehingga mereka masing-masing menjadi banduan dalam pulau emosi diri sendiri.

Mujurnya, Bapa Syurgawi kita yang abadi dan juga seorang penyayang yang bijaksana sudah menyediakan cara-cara untuk mengatasi celah yang angkuh ini. Penebusan yang hebat dan tidak terhingga adalah tindakan keampunan dan pendamaian yang tinggi. Magnitudnya lebih dari kefahaman saya, tetapi saya bersaksi dengan segala hati dan jiwa saya tentang realitinya dan kuasanya yang besar. Juruselamat mengorbankan diri sendiri sebagai tebusan bagi dosa-dosa kita. Melalui Dia, kita memperoleh keampunan.

Tidak Ada Keluarga yang Sempurna

Tiada sesiapa pun yang tidak berdosa. Kita setiap orang buat kesalahan, termasuk anda dan saya. Kita semua pernah dilukai. Kita semua pernah melukai orang lain.

Melalui korban Juruselamat, kita boleh memperoleh kemuliaan dan kehidupan abadi. Bila kita menerima jalan-Nya dan mengatasi keangkuhan kita dengan melembutkan hati kita, kita boleh mendatangkan pendamaian dan keampunan ke dalam keluarga dan kehidupan peribadi kita. Tuhan akan menolong kita untuk

menjadi lebih pemaaf, menjadi lebih rela untuk pergi sejauh mil ke dua, menjadi orang pertama yang meminta maaf walaupun perkara itu bukan kesalahan kita, untuk melepaskan dendam lama dan tidak membesarkan dendam itu lagi. Bersyukur kepada Tuhan, yang mengorbankan Anak-Nya yang tunggal, dan kepada Anak-Nya, yang mengorbankan nyawa-Nya untuk kita.

Kita boleh berasa kasih sayang Tuhan terhadap kita setiap hari. Tidak haruskah kita beri lebih banyak diri sendiri kepada orang lain seperti yang diajar dalam lagu rohani “Ker’na Kudib’ri Banyak”?² Tuhan sudah bukakan pintu bagi kita untuk diampuni. Bukankah hanya betul untuk meninggalkan egotisme dan keangkuhan kita diri sendiri dan mula buka pintu keampunan kepada mereka yang kita berjuang dengan—terutamanya keluarga kita?

Pada akhirnya, kegembiraan tidak datang dari kesempurnaan tetapi dari mengaplikasikan asas-asas ilahi, bahkan dalam perkara yang kecil. Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul sudah mengisytihar: “Kegembiraan dalam kehidupan kekeluargaan adalah paling mungkin dicapai apabila berasaskan ajaran Tuhan Yesus Kristus. Perkahwinan-perkahwinan dan keluarga-keluarga yang berjaya didirikan dan dikekalkan atas asas-asas iman, doa, pertaubatan, *pengampunan*, hormat, kasih sayang, belas kasihan, kerja, dan kegiatan rekreasi yang baik dan sihat.”³

Keampunan diletakkan pada tengah-tengah kebenaran-kebenaran yang mudah ini, yang boleh didapati dari rancangan kegembiraan Bapa Syurgawi kita. Sebab keampunan menghubungkan asas-asas, ia menghubungkan orang. Ialah satu kunci, ia buka pintu-pintu yang sudah dikuncikan, ialah satu permulaan jalan yang jujur, dan ialah salah satu harapan yang paling baik demi satu keluarga yang bahagia.

Semoga Tuhan menolong kita untuk menjadi lebih mengampun dalam keluarga-keluarga kita, lebih mengampun terhadap satu sama lain, dan mungkin lebih mengampun dengan diri sendiri, saya berdoa kita boleh mengalami keampunan sebagai satu kesempurnaan seperti kebanyakan keluarga yang bahagia.

NOTA

1. Leo Tolstoy, *Anna Karenina*, trans. Constance Garnett (2008), 2.
2. Ker’na Kudib’ri Banyak,” *Lagu Rohani*, no. 219.
3. “Keluarga: Satu Pengisytiharan kepada Dunia,” *Liahona*, Nov.2010, 129; tekanan ditambahkan.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

“Bila anda menyediakan setiap pengajaran, tanyakan diri sendiri bagaimana asas ini serupa dengan sesuatu perkara yang sudah dialami oleh ahli-ahli keluarga dalam kehidupan mereka” (Teaching, No Greater Call [1999], 171). Bertimbang untuk menjemput ahli-ahli keluarga untuk mengongsikan pengalaman-pengalaman positif tentang keampunan yang sudah mereka alami atau terlihat. Bincang tentang pengalaman-pengalaman ini, menekankan berkat-berkat keampunan. Menyimpulkan dengan memberi kesaksian tentang kepentingan untuk mengampun satu sama lain.

REMAJA

Doa dan Keampunan oleh Lauren W.

Pada satu petang saya bertengkar dengan ibu saya dan saya berasa sedih. Jadi saya pun berdoa. Walaupun saya berasa teruk dan tidak ingin menjadi “rohani”, saya tahu bahawa doa boleh membantu saya untuk menjadi lebih gembira dan lebih kurang argumentatif. Selepas ibu saya tinggalkan bilik itu, saya mula berdoa. “Bapa Syurgawi, saya datang kepada Kamu petang ini kerana . . .” Ini tidak betul. Saya bukakan mata saya dan meluruskan lengan saya; doa itu pelik. Saya cuba sekali lagi. “Bapa Syurgawi, saya perlukan . . .” Doa itu janggal juga. Saya berasa Setan mendesak saya untuk berputus asa untuk berdoa kepada Bapa Syurgawi demi bantuan.

Tiba-tiba saya ditekan untuk mengucapkan kesyukuran! Jadi saya pun buat demikian, dan idea-idea pun mula berlimpah dari minda saya tentang semua perkara yang saya boleh bersyukur terhadap Bapa Syurgawi. Bila saya habis mengucapkan kesyukuran saya kepada Dia, saya berbincang dengan Dia tentang masalah saya.

Selepas itu saya berasa satu kedamaian yang baik dalam jiwa saya, satu perasaan rohani bahawa saya

tahu Bapa Syurgawi dan ibu bapa saya sayang saya dan saya seorang anak Tuhan. Saya dapat meminta maaf kepada ibu saya dan menerima permohonan ampunnya.

KANAK-KANAK

Keampunan Mendatangkan Kebahagiaan

Presiden Uchtdorf mengajar bahawa kita harus mengampunkan ahli-ahli keluarga kita. Lihatlah bagaimana pilihan Joseph dan Anna mempengaruhi keluarga mereka.

Joseph dan adik perempuannya, Anna, main bersama-sama. Anna merampas alat permainan Joseph. Apakah yang harus Joseph lakukan?

Joseph menjadi marah dengan Anna. Anna menangis. Ibu Joseph mendisplinkannya kerana dia bertengkar dengan adiknya. Joseph menyesal bahawa dia buat satu pilihan yang teruk.

Joseph mengampunkan Anna dan mencarikan satu alat permainan lain. Mereka bermain bersama-sama dengan gembira. Ibu mereka berasa gembira bahawa Joseph berbaik hati terhadap adiknya dan menjaga kedamaian dalam keluarga. Joseph berasa gembira kerana dia memilih untuk mengampun.

Selepas itu, Joseph dan Anna perlu menolong ibu mereka untuk menyediakan makan malam. Joseph tidak menolong. Apakah yang harus Anna lakukan?

Anna bersungut kepada ibunya. Anna membantah tentang melakukan semua kerja secara diri sendiri. Pada masa makan malam, semua orang tidak berasa gembira kerana pertengkaran itu.

Anna mengampunkan Joseph dan menolong untuk menyediakan makan malam. Ibu mereka bersyukur terhadap bantuan Anna. Keluarga mereka menikmati makan malam bersama-sama. Anna berasa baik bahawa dia memilih untuk mengampun.

Bagaimana pilihan anda untuk mengampun mempengaruhi kebahagiaan keluarga anda?



Iman, Keluarga,
Pertolongan

Mentaati Perjanjian-perjanjian Kita

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudara yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudara yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.

Pengajaran berkunjung adalah satu ungkapan penganutan kita dan satu cara untuk mentaati perjanjian-perjanjian kita bila kita melayan dan memperkuatkan satu sama lain. Satu perjanjian ialah satu ikrar yang kudus dan yang bertahanan di antara Tuhan dan anak-anak-Nya. “Bila kita menyedari bahawa kita ialah anak-anak perjanjian, kita tahu tentang siapakah kita dan apakah yang diharapkan dari kita oleh Tuhan,” kata Elder Russell M. Nelson dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Hukum-Nya tertulis dalam hati-hati kita. Dialah Tuhan kita dan kitalah umat-Nya.”¹

Sebagai para pengajar berkunjung kita boleh memperkuatkan mereka yang kita kunjungi dalam usaha mereka untuk mematuhi perjanjian-perjanjian kudus mereka. Dengan membuat demikian, kita menolong mereka untuk bersedia demi berkat-berkat kehidupan abadi. “Setiap orang saudara dalam Gereja ini yang sudah buat perjanjian dengan Tuhan mempunyai satu mandat ilahi untuk menolong untuk menyelamatkan jiwa, untuk membimbing para wanita dunia ini, untuk memperkukuhkan rumah tangga di Sion, dan untuk membina kerajaan Tuhan,”² kata Elder M Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul.

Bila kita membuat dan mentaati perjanjian-perjanjian kudus, kita menjadi alat dalam tangan Tuhan. Kita akan berupaya untuk menyatakan dengan jelasnya kepercayaan kita dan memperkuatkan iman satu sama lain dalam Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus.

Dari Tulisan Suci

1 Nefi 14:14; Mosia 5:5–7; 18:8–13; Ajaran dan Perjanjian 42:78; 84:106

Dari Sejarah Kita

Bait suci ialah “satu tempat kesyukuran bagi semua orang suci,” Tuhan menubuat kepada Nabi Joseph Smith pada tahun 1833. Ia ialah “satu tempat untuk arahan kepada semua yang dipanggil untuk bekerja dalam pelayanan dalam semua panggilan-panggilan dan jawatan-jawatan mereka; supaya mereka boleh menjadi sempurna dalam kefahaman tentang pelayanan mereka, dalam teori, dalam asas, dalam ajaran, dan dalam semua perkara yang berkenaan dengan kerajaan Tuhan pada bumi ini” (D&C 97:13–14),

Para saudara dalam Lembaga Pertolongan di Nauvoo, Illinois, pada awal 1840 menolong satu sama lain untuk bersedia demi tatacara-tatacara

bait suci. Dalam tatacara-tatacara imamat lebih tinggi yang diterima oleh Orang Suci Zaman Akhir dalam Bait Suci Nauvoo, “kuasa Tuhan dinyatakan” (A&P 84:20). “Bila Orang Suci mentaati perjanjian-perjanjian mereka, kuasa ini memperkuatkan dan menyokong mereka dalam percubaan mereka pada hari-hari dan tahun-tahun yang akan datang.”³

Dalam Gereja hari ini, para wanita dan lelaki yang beriman di seluruh dunia melayan dalam bait suci dan terus mencarikan kekuatan dalam berkat-berkat yang hanya boleh diterima melalui perjanjian-perjanjian bait suci.

NOTA

1. Russell M. Nelson, “Covenants,” *Liahona*, Nov. 2011, 88.
2. M. Russell Ballard, “Women of Righteousness,” *Liahona*, Des. 2002, 39.
3. *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 133.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana perjanjian-perjanjian saya memperkuatkan saya?
2. Bagaimana saya menolong para saudara yang saya kunjungi untuk mentaati perjanjian-perjanjian mereka?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.